

Permohonan Dr. M batal saman fitnah Anwar ditentukan 4 Julai

UM-16/6/2007

KUALA LUMPUR 15 Jun – Permohonan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk membatalkan saman fitnah yang dikemukakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim akan ditentukan oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 4 Julai ini.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Tengku Maimun Tuan Mat menetapkan tarikh tersebut hari ini selepas selesai mendengar hujah peguam Datuk V. K. Lingam yang mewakili Dr. Mahathir dan peguam Raja Aziz Addruse yang mewakili bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Anwar selaku plaintif memfailkan saman terhadap Dr. Mahathir pada 27 Januari tahun lalu kerana mendakwa bekas Perdana Menteri itu memfitnahnya dalam satu sidang akhbar di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) pada 9 September 2005.

Dalam hujahnya, Lingam menyatakan bahawa saman tersebut adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana telah terdapat penghakiman muktamad dalam prosiding sebelum ini oleh pihak yang sama dalam kes saman berhubung tuduhan bahawa Anwar adalah seorang homoseksual.

Anwar sebelum ini, katanya, telah menyaman Dr. Mahathir berhubung perkataan yang dikeluarkan oleh bekas Perdana Menteri itu dalam sidang media pada 22 September 1998, tetapi saman itu telah ditolak Mahkamah Tinggi pada 30 Ogos 1999.